



# **GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN PERSATUAN KAKITANGAN AKADEMIK (PKAUSIM)**

**2025**

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**SENARAI KANDUNGAN****MUKASURAT**

1. LATAR BELAKANG	1
2. TUJUAN	1
3. KRITERIA & SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	2
4. JANGKA MASA PROJEK	3
5. SUMBER DAN SILING PERUNTUKAN	3
6. PENGGUNAAN PERUNTUKAN	4-6
7. TEMA PENYELIDIKAN & MAQASID SYARIAH	6
8. JANGKAAN HASIL PENYELIDIKAN	7
9. PROSEDUR & PENILAIAN PERMOHONAN	7-8
10. TANGGUNGJAWAB DAN AMANAH PENYELIDIK	8-9
12. KUATKUASA	9

## **1. LATAR BELAKANG**

Geran Penyelidikan Persatuan Kakitangan Akademik, Universiti Sains Islam Malaysia (PKAUSIM) adalah merupakan salah satu geran di bawah Geran Penyelidikan Pusat Tanggungjawab (PTj) USIM. Ia telah diperkenalkan pada tahun 2024 melalui persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Kakitangan Akademik (PKAUSIM) Bil. 3/2024 pada 14 Mac 2024. Geran PKAUSIM juga merupakan satu dana penyelidikan yang diwujudkan oleh PKAUSIM dan ia merupakan medium kepada penyelidik USIM yang terdiri daripada ahli akademik khususnya untuk melaksanakan kajian dalam menghasilkan penemuan-penemuan baharu yang bertunjangkan kepada ilmu Naqli dan Aqli. Penilaian kertas cadangan penyelidikan akan dilaksanakan oleh panel penilai yang telah dilantik oleh Jawatankuasa PKAUSIM. Seterusnya, penerima geran ini akan didaftarkan di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (PPPI), USIM.

## **2. TUJUAN**

Geran Penyelidikan Persatuan Kakitangan Akademik, Universiti Sains Islam Malaysia (PKAUSIM) ini bertujuan untuk menggalakkan dan membudayakan aktiviti penyelidikan di USIM dalam kalangan staf akademik supaya menjadi pemangkin kepada penemuan baharu khususnya bagi penyelidikan bersifat Naqli dan Aqli serta daya penciptaan inovatif yang boleh mengembangkan sempadan ilmu. Geran penyelidikan ini juga merupakan satu platform yang membuka peluang kepada pensyarah-pensyarah muda mahupun pensyarah lain yang masih belum bergelar ketua penyelidik untuk cuba menonjolkan idea-idea baharu dalam bidang penyelidikan. Hal ini seterusnya menggalakkan sinergi penyelidikan dan penghasilan lebih banyak penerokaan idea/ teori/ konsep/ proses baharu sekali gus menjadi pemangkin kepada perkembangan ilmu, daya penciptaan inovatif dan penemuan terkini.

### **3. KRITERIA & SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- 3.1 Geran ini terbuka kepada Kakitangan Akademik USIM dengan syarat-syarat umum pemohon seperti berikut:-
- i. Pensyarah bagi Gred 45 dan ke atas.
  - ii. Terbuka kepada semua kakitangan akademik USIM yang belum pernah bergelar ketua penyelidik bagi mana-mana geran penyelidikan.
  - iii. Pemohon adalah ahli Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM).
  - iv. Pemohon telah menyertai sekurang-kurangnya dua (2) aktiviti PKA dalam tahun 2024/2025.
  - v. Setiap pemohon dibenarkan untuk mengemukakan hanya satu (1) permohonan projek sahaja.
  - vi. Ahli penyelidik hendaklah daripada USIM dan tidak melebihi lima (5) orang ahli (tidak termasuk Ketua Penyelidik)
- 3.2 Permohonan daripada ketua penyelidik berikut adalah tidak dibenarkan:
- i. Pemohon yang sedang bercuti belajar/cuti sabatikal.
  - ii. Pemohon sedang menjalani prosiding atau hukuman tatatertib yang boleh dikenakan tindakan buang kerja.
  - iii. Pemohon telah disenarai hitam bagi geran penyelidikan USIM.

#### **4. JANGKA MASA PROJEK**

- 4.1 Jangka masa projek penyelidikan PKAUSIM adalah dalam tempoh satu (1) tahun.

#### **5. SUMBER DAN SILING PERUNTUKAN**

- 5.1 Geran Penyelidikan PKAUSIM adalah daripada sumber kewangan PKA.
- 5.2 Siling peruntukan yang telah dipersetujui oleh PKAUSIM adalah maksimum RM500 sahaja bagi setiap seorang ketua penyelidik dan ahlinya.
- 5.3 Semua peruntukan geran penyelidikan PKAUSIM akan diletakkan dalam akaun projek penyelidikan dan diuruskan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (PPPI) USIM berdasarkan kepada peraturan kewangan yang berkuatkuasa.
- 5.4 Semua peruntukan geran penyelidikan PKAUSIM wajib dibelanjakan di sepanjang tempoh geran penyelidikan berlangsung.
- 5.5 Geran Penyelidikan PKAUSIM adalah bersifat geran jangka pendek di mana tempoh geran adalah satu (1) tahun.
- 5.6 Geran mestilah tamat setelah cukup tempoh setahun dari tarikh penganugerahan geran tersebut.

## **6. PENGGUNAAN PERUNTUKAN**

Peruntukan bagi Geran Penyelidikan PKAUSIM adalah dibenarkan untuk apa-apa pembelian, pembayaran atau perolehan yang memenuhi kod perbelanjaan berikut:-

### **6.1 Vot 21000 – Perjalanan, Pengangkutan dan Sara Hidup**

- a. Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan, pengangkutan domestik dan sara hidup yang berkaitan dengan projek dalam satu tempoh yang tertentu semasa menjalankan kajian/kerja lapangan.
- b. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan, pengangkutan dan sara hidup tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan projek.
- c. Perbelanjaan berkaitan dengan persidangan adalah menggunakan peruntukan yang telah diluluskan dalam kertas cadangan penyelidikan.

### **6.2 Vot 24000 – Sewaan**

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Setiap cadangan pembelian mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan

### **6.3 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan**

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Setiap cadangan pembelian bekalan/bahan penyelidikan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan, mengikut peraturan semasa Universiti.

### **6.4 Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas**

- a. Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek

penyelidikan. Setiap cadangan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.

b. Perkhidmatan Khas/Belanja Pakai Habis

Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus/latihan/program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja sepanjang tempoh penyelidikan) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan di dalam negara. Bagi kursus/latihan/program yang diadakan di luar negara, kehadiran yang dibenarkan adalah secara dalam talian. Jumlah perbelanjaan perkhidmatan Khas/Belanja Pakai Habis ini adalah tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan projek

6.5 Vot 35000 – Aksesori dan Peralatan

a. Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.

b. Jumlah yang dipohon bagi vot ini pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan projek

6.6 Pembiayaan yang dipohon mestilah bersesuaian dengan aktiviti yang dirancang dan disertakan dengan justifikasi yang munasabah.

6.7 Peruntukan penyelidikan tidak dibenarkan untuk membuat pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. Pembelian yang tidak dibenarkan adalah seperti berikut:

a. Pembayaran sebarang bentuk yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas dan seumpamanya.

b. Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/komputer riba/mesin pencetak/katrij dan seumpamanya).

- c. Pembayaran bil utiliti/telekomunikasi.
- d. Pembelian peralatan pejabat (seperti alat tulis/kertas/meja/kerusi dan seumpamanya).
- e. Pembelian peralatan storan (seperti external *hardisk/pendrive/CD* dan seumpamanya).
- f. Pembayaran sewaan ruang/fasiliti di Institusi masing-masing.
- g. Pembayaran pemfailan harta intelek dan seumpamanya.
- h. Lain-lain pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. (Tertakluk kepada kelulusan/ketetapan semasa Jawatankuasa Pengurusan Universiti).

## 7. TEMA PENYELIDIKAN & MAQASID SYARIAH

### 7.1 Tema Penyelidikan

Projek penyelidikan yang dicadangkan perlu memenuhi tema penyelidikan yang telah ditetapkan iaitu **Integrasi Naqli dan Aqli**, meliputi semua bidang kajian.

### 7.2 Maqasid Syariah

Projek penyelidikan yang dihasilkan perlu mencapai kualiti penyelidikan USIM dalam memenuhi Maqasid Syariah seperti berikut:

- a. Agama
- b. Keturunan
- c. Nyawa
- d. Harta
- e. Akal

## **8. JANGKAAN HASIL PENYELIDIKAN**

8.1 Setiap projek penyelidikan mestilah menghasilkan SATU bentuk hasil penyelidikan seperti berikut:

Jangkaan Hasil
Satu (1) artikel jurnal berindeks atau satu (1) penerbitan buku atau satu (1) pendaftaran IP (Harta Intelek)

8.2 Penulisan dalam jurnal berindeks, buku dan lain-lain penerbitan perlu lengkap dengan penghargaan kepada Pemberi Dana mengikut perincian seperti berikut:

- i Nama Pemberi Dana (Persatuan Kakitangan Akademik, PKAUSIM)
- ii Nama Geran
- iii Kod Geran

8.3 Penulisan artikel dalam jurnal terindeks yang melibatkan penulis bersama dari kalangan pihak industri adalah amat digalakkan.

## **9. PROSEDUR PERMOHONAN DAN PENILAIAN GERAN PKA**

9.1 Permohonan perlu menerusi Borang Permohonan Geran Penyelidikan PKAUSIM.

9.2 Proses semakan dan penilaian permohonan adalah menerusi Borang Penilaian Permohonan Geran Penyelidikan PKAUSIM.

9.3 Penilaian bagi Geran Penyelidikan PKAUSIM akan dilakukan oleh panel penilai yang telah dilantik oleh Jawatankuasa PKA.

9.4 Permohonan yang disenarai pendek akan diusul dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penganugerahan Geran Penyelidikan PKAUSIM (JKPGP) bagi tujuan kelulusan.

9.5 Keputusan penilaian dan kelulusan adalah muktamad.

9.6 Selepas kelulusan permohonan projek penyelidikan, penyelidik dikehendaki membuat pembetulan (*correction*) dan mengemaskini kertas cadangan penyelidikan sebagaimana yang dikemukakan oleh panel penilai dan JKPGP menerusi Borang Permohonan Geran Penyelidikan PKAUSIM.

9.7 Dokumen Surat Aku Janji Menjalankan Projek Penyelidikan PKAUSIM (satu (1) salinan asal) perlu dikemaskini dan ditandatangani oleh penyelidik. Dokumen lengkap perlu dikemukakan kepada pihak PKA dalam tempoh satu (1) minggu daripada tarikh penganugerahan geran.

9.8 Pengagihan peruntukan bagi memulakan penyelidikan ini hanya dibenarkan selepas surat dan dokumen berkaitan telah lengkap dan diterima oleh urus setia penyelidikan PKAUSIM.

9.9 Geran ini adalah di bawah kelulusan JKPGP dengan perakuan oleh Pengerusi PKAUSIM.

9.10. Borang Permohonan Geran Penyelidikan PKAUSIM yang telah lengkap diisi hendaklah diemelkan ke [geranpkausim@gmail.com](mailto:geranpkausim@gmail.com).

## **10. TANGGUNGJAWAB DAN AMANAH PENYELIDIK**

10.1 Menjalankan dan menghasilkan penyelidikan sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam kertas cadangan penyelidikan yang telah diluluskan.

10.2 Menghantar laporan akhir penyelidikan kepada PKAUSIM dalam tempoh satu (1) bulan selepas tarikh tamat.

10.3 Memastikan perbelanjaan penyelidikan adalah selaras dengan vot peruntukan sebenar projek yang diluluskan. Mana-mana tuntutan perbelanjaan yang dibuat di luar daripada perbelanjaan yang diluluskan adalah tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan pihak PKAUSIM.

10.4 Pihak PKAUSIM tidak akan bertanggungjawab untuk melunaskan mana-mana keberhutangan penyelidik jika didapati vot penyelidikan telah habis dipakai.

10.5 Semua urusan kewangan penyelidikan yang dibuat oleh ahli penyelidik termasuk untuk tujuan ke persidangan, perlu mendapat perakuan daripada Ketua Penyelidik.

10.6 Bertanggungjawab memantau dan menyemak dari semasa ke semasa baki peruntukan serta kemajuan geran penyelidikan masing-masing.

10.7 Bertanggungjawab memastikan hasil penyelidikan tercapai mengikut jangkaan hasil yang dinyatakan dalam kertas cadangan penyelidikan.

## **11. KUATKUASA**

Garis panduan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa PKAUSIM, Bilangan 3/2024 bertarikh 14 Mac 2024.

Berikut merupakan tarikh-tarikh penting berkaitan Geran Penyelidikan PKAUSIM 2025.

11.1 Pembukaan Geran: 5 Mei 2025

11.2 Tarikh akhir serahan kertas cadangan penyelidikan: 4 Julai 2025

11.3 Penganugerahan Geran PKAUSIM: 3 Oktober 2025

11.4 Tempoh tamat geran: 2 Oktober 2026

11.5 Tarikh Penghantaran Laporan Akhir Geran: 3 November 2026

**Biro Akademik & Latihan,  
Persatuan Kakitangan Akademik (PKAUSIM)  
Universiti Sains Islam Malaysia**

**Emel: geranpkausim@gmail.com**